

KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS PERJALANAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN


Pelaksanaan Kemudahan Perlindungan Insurans Perjalanan

- i) terhad kepada **diri pegawai** sahaja;
- ii) meliputi perbelanjaan perubatan, hospital dan rawatan di luar negara/negara ketiga;
- iii) pegawai membeli sendiri perlindungan insurans perjalanan daripada **mana mana syarikat berlesen yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia**;
- iv) pegawai boleh membuat tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) premium kepada Ketua Jabatan;
- v) kemudahan perlindungan insurans perjalanan ditanggung oleh Kerajaan **terhad kepada sekali** dalam setiap tahun kalendar;
- vi) **amaun perlindungan yang tidak mematuhi amaun wajib yang ditetapkan dalam Lampiran SR.2.4.1 (A) dianggap tidak memenuhi syarat dan tidak boleh dipertimbangkan untuk tuntutan.**



Dokumen yang diperlukan:

- ✓ Memo permohonan Bahagian
- ✓ Borang Lampiran SR.2.4.1 (C) yang lengkap diisi untuk kelulusan BPSM
- ✓ Salinan sijil perlindungan insurans perjalanan
- ✓ Salinan polis insurans perjalanan
- ✓ Resit asal pembelian perlu disahkan oleh pegawai
- ✓ Kelulusan perjalanan ke luar negara atas urusan persendirian


Lampiran SR.2.4.1(A)

**AMAUN PERLINDUNGAN INSURANS PERJALANAN
YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN**

Perlindungan insurans perjalanan hendaklah memenuhi butiran seperti berikut:

| Bil. | Perlindungan | Amaun Minimum Diinsuranskan (RM) |
|------|--|----------------------------------|
| 1. | Kematian akibat kemalangan | 300,000 |
| 2. | Hilang upnya kekal akibat kemalangan | 300,000 |
| 3. | Perbelanjaan berkaitan perubatan yang meliputi perbelanjaan perubatan, hospital dan rawatan (termasuk kos rawatan pergigian) akibat kemalangan | 300,000 |
| 4. | Perbelanjaan tambahan bagi lawatan ilsan kepada seorang saudara/kawan bagi tujuan menemani pegawai semasa menerima rawatan di hospital atas nasihat doktor | 5,000 |
| 5. | Perbelanjaan tambahan kepada seorang saudara/kawan bagi tujuan penjagaan anak-anak pegawai semasa pegawai menerima rawatan di hospital | 5,000 |
| 6. | Pengurusan jenazah meliputi kos pengebumian atau pembakaran mayat di negara berlakunya kematian atau kos perbelanjaan menghantar jenazah ke Malaysia | 10,000 |
| 7. | Pengangkutan kecemasan termasuk rawatan semasa di dalam pengangkutan tersebut | 300,000 |
| 8. | Bayaran larian untuk setiap hari pegawai berada di hospital sebagai pesakit dalam | 7,000 |

